

ANALISIS FATWA HUKUM PENYALURAN HARTA TIDAK PATUH SYARIAH KE BAITULMAL DAN INSTITUSI ISLAM LAIN OLEH JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA ANALYSIS ON THE RULE OF DEPOSITING THE PROPERTY OF NON-SHARIAH COMPLIANT TO BAITULMAL AND OTHER ISLAMIC INSTITUTIONS BY THE FATWA COMMITTEES OF THE STATE OF PERAK

Muhammad Nazirul Mohd Sabriⁱ & Jasni Sulongⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Calon Ph.D, Syariah (Fiqh dan Perundangan Islam), Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). naz_mubin87@yahoo.com

ⁱⁱ Profesor Madya, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). jasni@usm.my

Abstract	<p><i>Non-shariah compliant property refers to a non-recognized property by Islam, and the owner must dispose of the property within the syariah means. This study aims to analyze the method of issuing fatwas carried out by the Perak State Fatwa Council (JFNPK) through the method of issuing fatwas, which is done from the paperwork presentation for a fatwa, and the method of uşul al-fiqh, which has become the basis for the method of fatwa determination. This study applies a qualitative approach by analyzing contents where the data collection method and data analysis are described descriptively. The data is obtained from Fatwa paperworks. The main finding of the study shows that the application of the fatwa method is less emphasized by the Perak State Fatwa Council, especially at the al-takyif stage. In conclusion, the independent reasoning (ijtihad) approach applied by the Perak State Fatwa Council needs some improvements from the al-takyif aspect to enhance the quality of fatwa research, even in simple cases. The study implication shows that fatwa issuance that fulfils the accurate fatwa method can improve the performance and quality of fatwa research as well as provide fatwa answers that meet the syariah requirements.</i></p> <p>Keywords: <i>Property, Fatwa, Council, Perak State, Uşul al-Fiqh.</i></p>
Abstrak	<p><i>Harta tidak patuh syariah merujuk kepada harta yang tidak diiktiraf pemilikannya oleh Islam dan seseorang pemilik tersebut hendaklah melupuskannya dengan cara yang dikehendaki oleh syarak. Kajian ini bertujuan menganalisis metode pematwaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menerusi kaedah pengeluaran fatwa yang dilakukan daripada pembentangan kertas kerja bagi sesuatu fatwa dan kaedah uşul al-fiqh yang dilandaskan sebagai metode penentuan fatwa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan yang mana kaedah pengumpulan data dan penganalisaan data disampaikan secara deskriptif. Data diperolehi daripada dokumen kertas kerja fatwa. Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa penggunaan metode pematwaan kurang diberi penekanan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) khususnya di peringkat al-takyif. Kesimpulannya, pendekatan ijtihad yang</i></p>

	<p>dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak memerlukan penambahbaikan daripada aspek al-takyif bagi meningkatkan kualiti penyelidikan fatwa walaupun ke atas kes-kes yang mudah dan ringan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengeluaran fatwa yang menepati metode pefatwaan yang tepat mampu meningkatkan prestasi dan kualiti penyelidikan fatwa serta penghasilan jawapan fatwa yang menepati kehendak syarak.</p> <p>Kata kunci: <i>Harta, Jawatankuasa, Fatwa, Negeri Perak, Uşul al-Fiqh.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Secara umumnya, hukum syarak tidak mengiktiraf harta yang diperolehi secara haram. Perolehan harta secara haram boleh berlaku sama ada melibatkan perbuatan mendapatkan harta secara yang diharamkan syarak seperti mencuri, menyamun, menipu dan memeras ugut; atau melibatkan transaksi yang tidak dibenarkan syarak seperti melibatkan urusniaga yang mengandungi riba, gharar dan barangan najis. Semua urusniaga sebegini disebut juga sebagai urusniaga harta yang tidak patuh syariah. Harta-harta ini hendaklah dikeluarkan daripada milikan seseorang Muslim dan diserahkan kepada Kerajaan bagi memanfaatkan penggunaannya untuk maslahat awam (Muhammad Nabil Ghanayim, 2003).

Dalam menguruskan hal ini, terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, seperti Jabatan Mufti Negeri Perak berkaitan dengan harta tidak patuh syariah di negeri tersebut (Warta Kerajaan Negeri Perak, 2014). Fatwa yang dimaksudkan di sini diertikan sebagai penentuan hukum terhadap sesuatu persoalan apabila telah timbul sesuatu kes atau isu yang tertentu dan seseorang mufti itu mengetahui mengenai hukumnya. Setiap fatwa yang dikemukakan terhadap masyarakat memerlukan kepada dalil-dalil dan kaedah-kaedah yang perlu digunapakai agar keputusan fatwa yang dikeluarkan itu seiring dengan kehendak Allah SWT dan juga masyarakat.

JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

Pengurusan fatwa di sesebuah negeri di Malaysia diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh mufti negeri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk berbincang dan merumuskan satu fatwa berkenaan isu-isu keagamaan yang dikaji. Hal ini menjadikan fatwa yang diputuskan oleh sesebuah jawatankuasa ini menjadikannya satu fatwa yang bersifat kolektif dan ia lebih baik daripada fatwa yang bersifat individu (Fathullah Asni & Jasni Sulong, 2019). Selaras dengan amalan ini di Perak, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perak 1965 telah memperuntukkan bahawa urusan fatwa adalah diletakkan di bawah struktur organisasi khusus iaitu Jawatankuasa Fatwa. Namun pengurusan fatwa masih tidak diasingkan daripada pentadbiran agama Islam negeri sehinggalah terbentuknya Jabatan Mufti Negeri pada 1 Januari 1992.

Bagi menjadikan keputusan yang diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri kukuh dan mempunyai kredibiliti, keanggotaan ahli jawatankuasa fatwa adalah dilantik daripada kalangan ilmuan agama di negeri tersebut. Mereka dipilih daripada pelbagai latar belakang agensi agama, disiplin ilmu agama dan juga ketokohan dalam masyarakat. Justeru, setiap isu yang ditangani adalah merupakan perkara yang berada dalam kepakaran mereka dan mampu menjawabnya bagi memberi kemaslahatan kepada orang awam. Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Dato' Tuan Guru Haji Wan Zahidi bin Wan Teh (2022 hingga kini).

Bil	Ahli Jawatankuasa Fatwa	Jawatan	Anggota
1	S.S Dato' Tuan Guru Haji Wan Zahidi bin Wan Teh	Mufti Negeri Perak ke-9	Mufti Perak
2	S.S Dato' Tuan Guru Haji Zamri bin Hashim	Timbalan Mufti Negeri Perak	Pegawai MAIPk

3	S.F Dato' Haji Yusop bin Haji Husin	Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.	Pegawai JAIPk
4	S.F Tuan Haji Kamarudin bin Adam	Pegawai Fatwa Jabatan Mufti perak merangkap Setiausaha JFNPK.	Pegawai MAIPk
5	S.F Dato' Tuan Guru Haji As'ad bin Awang	Pesara Pensyarah Institut Perguruan Guru Kinta Utara, Ipoh.	Ahli MAIPk
6	S.F Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir	Pensyarah Universiti Islam Malaysia	Ahli MAIPk
7	S.F Tuan Guru Haji Md Dali bin Ghazali	Tuan Guru di Pondok Latifiyyah, Pengkalan Hulu, Perak	Bukan Ahli MAIPk
8	S.F Tuan Guru Haji Md Suaid Bin Din	Pesara Guru Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh.	Bukan Ahli MAIPk
9	S.F Prof. Dr. Jamil bin Hashim	Professor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Pengarah Asean Center for Islam, Global Peace and Non-Violence, USAS.	Bukan Ahli MAIPk
10	S.F Dr. Ahmad Husni bin Haji Hasan	Pensyarah Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar.	Bukan Ahli MAIPk
11	S.F Prof. Madya Dr. Lukman bin Abdul Mutalib	Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia	Bukan Ahli MAIPk

Rajah 1: Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Bagi Penggal 2021 hingga 2023

Bagi tujuan mesyuarat fatwa, sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan oleh jawatankuasa ini, soalan-soalan yang dikemukakan oleh orang awam atau pihak berkepentingan akan melalui beberapa peringkat dan proses. Umumnya, proses pengeluaran fatwa diperuntukkan dalam Bahagian III, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 yang merangkumi pelantikan mufti, kuasa dalam hal ehwal agama, jawatankuasa fatwa dan fatwa yang berhubung kepentingan nasional. Perkara tersebut diperuntukkan di bawah Seksyen 33 hingga 43 enakmen pentadbiran tersebut. Jabatan Mufti Negeri Perak sebagai institusi yang bertanggungjawab menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan Jawatankuasa Fatwa atau dikenali juga sebagai Jawatankuasa Syariah. Jabatan Mufti Negeri Perak adalah diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) yang diberi peranan menguruskan hal ehwal hukum syarak.

Seksyen 37, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 menjelaskan tatacara pembuatan fatwa secara terperinci. Dalam aturan yang digariskan, sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat sesuatu fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya apa-apa kajian atau penyelidikan dijalankan seperti meminta supaya suatu kertas kerja disediakan. Kemudian, Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa untuk mendengar dan membincangkan kertas kerja tersebut. Justeru, selepas keputusan telah dicapai dan fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti bagi pihak Jawatankuasa Fatwa hendaklah memaklumkan kepada Majlis Agama Islam Negeri tentang fatwa yang telah disediakan itu. Jawatankuasa Fatwa juga boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta. Apabila tersiarnya sesuatu fatwa dalam warta, maka selesailah proses mengeluarkan fatwa dan keputusan ini mengikat orang Islam di dalam negeri tersebut (Fathullah Al Haq & Jasni Sulong, 2017).

FATWA BERKAITAN HARTA TIDAK PATUH SYARIAH

Merujuk kepada Warta Kerajaan Negeri Perak tahun 2014, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada 24hb September 2014 telah mengeluarkan *sighah* fatwa seperti berikut, iaitu "Harta-harta atau sebarang pemerolehan yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah,

dan seumpamanya adalah HARAM dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri melainkan untuk kepentingan awam. Pembersihan harta-harta atau pemerolehan tersebut boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut (Warta Kerajaan Negeri Perak, 2014);

- i. diserahkan kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas, dan sebagainya;
- ii. diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

Berdasarkan kepada fatwa di atas, harta-harta yang dimiliki oleh orang Islam melalui urusan riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan sebagainya adalah merupakan harta-harta yang tidak patuh syariah. Fatwa yang sama turut dikeluarkan oleh beberapa Jabatan Mufti Negeri-negeri yang lain di Malaysia, misalnya Negeri Sembilan pada tahun 2013, tetapi tidak diwartakan (Negeri Sembilan, 2023). Sebelum itu, fatwa ini telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009 sebagai panduan kepada Jabatan Mufti Negeri-negeri untuk memutuskan hukum yang sama. Menurut pandangan jumhur fuqaha, penggunaan sumber hasil kewangan yang tidak patuh syariah bagi tujuan kebajikan (amal jariah) adalah diharuskan dan dibolehkan (Wan Ahmad Naqiuddin, 2020).

SUMBER RUJUKAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

Sumber rujukan fatwa adalah merupakan asas utama kepada pendalilan hukum syarak yang dikeluarkan oleh sesuatu fatwa. Di Malaysia, analisis yang dilakukan oleh Mohammad Azam Hussain et al. (2018) ke atas peruntukan undang-undang yang mengawalselia urusan fatwa di setiap negeri di Malaysia, secara umumnya mendapati kesemua negeri-negeri di Malaysia telah mempunyai peruntukan khusus sebagai panduan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri untuk merujuk kepada hukum syarak. Cuma masing-masing hanya berbeza daripada segi peristilahan ke atas rujukan sumber sahaja misalnya istilah *Qaul muktamad* (Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Terengganu dan Sarawak), istilah Nas-nas (Wilayah Persekutuan, Pahang, Sabah), istilah Rujukan (Kelantan) dan istilah Sumber (Perlis).

Bagi rujukan harta tidak patuh syariah di Negeri Perak di atas, kertas kerja fatwa yang telah dibentangkan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah bersumber kepada dua buah hadis yang berstatus sahih. Hadis ini berkenaan hukum kewajipan memulangkan kembali harta yang diperolehi secara zalim daripada pemilik asalnya. Hadis pertama yang dirujuk adalah diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abū Hurāirah RA, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

{من كانت له مظلمة لأخيه من عرضه أو شيءٍ فليتحلله منه اليوم قبل أن لا يكون دينار ولا درهم إن كان

له عمل صالح أخذ منه بقدر مظلمته وإن لم تكن له حسنات أخذ من سيئات صاحبه فحمل عليه}

Maksudnya: “Barangsiapa yang menzalimi kehormatan atau apa sahaja harta saudaranya hendaklah ia meminta halal daripadanya pada hari ini sehingga jangan berbaki satu dinar atau dirham. Jika tidak, sekiranya dia mempunyai amal soleh, maka akan diambil amal solehnya dengan kadar kezaliman yang dilakukannya, dan kiranya tiada lagi kebaikan, maka akan dipertanggungjawabkan kejahatan orang yang dizaliminya itu pula” (Hadis. al-Bukhārī. *Kitāb Madhālim wa Ghaṣbi*. 1403).

Hadis ini menggesa supaya orang yang mengambil harta orang lain secara zalim hendaklah meminta dihalalkan atau jika tidak, amal soleh dan kebajikannya akan diambil daripadanya. Permintaan supaya dihalalkan ini melibatkan harta-harta yang bersifat pakai habis seperti makanan, minuman, pakaian atau manfaat.

Manakala hadis kedua pula adalah diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Samurah RA bahawa Nabi SAW pernah bersabda:

{ على اليد ما أخذت حتى تؤدي }

Maksudnya: “Kewajipan di atas tangan apa-apa yang diambilnya, sehinggalah ia memulangkannya” (Hadis. Abu Dawūd. *Bāb fi Ṭaḍmīn al-Āriyyah*. 1187).

Dalam hadis, amat jelas supaya orang yang mengambil harta orang lain secara zalim dapat memulangkan semula harta tersebut ke tangan pemilik asalnya. Jelas daripada kedua-dua hadis ini arahan supaya memulangkan kembali harta yang diperolehi secara haram atau meminta supaya pemilik asal menghalalkannya sekiranya harta tersebut telah lupus.

Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri turut menyokong hujah fatwa mereka dengan menukikkan daripada kitab *al-Majmū’ Sharḥ Muhazzab al-Majmū’ Sharḥ Muhazzab*. Di mana al-Nawawī menukikkan pandangan al-Ghazālī yang menyatakan (Al-Nawawī, 2009):

“jika seseorang lelaki itu memiliki harta haram dan hendak bertaubat serta melepaskan tanggungan daripada harta haram tersebut, maka harta tersebut mestilah diserahkan kepada pemiliknya atau wakil pemilik tersebut. Sekiranya pemilik telah meninggal dunia, berkewajipan untuk menyerahkan kepada ahli warisnya. Sekiranya pemilik harta tersebut tidak dapat dikenal pasti, maka harta tersebut mestilah diserahkan (dibelanjakan) kepada masalah-masalah umum umat Islam seperti jambatan, masjid-masjid, dan seumpamanya yang bersangkutan-paut dengan urusan orang Islam. Sekiranya tidak digunakan untuk tujuan kemaslahatan umat Islam, harta haram tersebut diserahkan kepada golongan fakir”.

Berdasarkan pandangan al-Ghazali ini, selain meminta halal dan memulangkan semula harta yang diambil secara zalim, orang yang melakukan kezaliman hendaklah bertaubat. Sekiranya dia telah meninggal dunia, warisnya adalah bertanggungjawab untuk membersihkan beban dosa pewarisnya sama ada dengan memulangkan harta tersebut, meminta halal atau menggantikannya atau menyerahkan manfaatnya untuk kebajikan umum umat Islam.

Selain itu, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri juga turut mengemukakan empat fatwa luar berbentuk fatwa individu berkenaan kaedah pelupusan harta tidak patuh syariah yang telah diputuskan oleh Atiyyah Saqar, Jaddul Haq ‘Ali Jaddul Haq, dan Muhammad Nabil Ghanayim (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.t). Kesemua mereka telah memberi fatwa bahawa harta tidak patuh syariah adalah haram digunapakai dan dimanfaatkan, wajib dikembalikan kepada pemiliknya. Sekiranya tidak diketahui pemiliknya, maka hendaklah dilupuskan ke arah kebaikan dan kepada badan-badan kemasyarakatan.

ANALISIS KAEDAH PENDALILAN FATWA

Berdasarkan kertas kerja fatwa hukum penyaluran harta tidak patuh syariah ke Baitulmal dan Institut Islam, kajian ini mendapati pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) telah berusaha mengemukakan kaedah berfatwa dengan mendatangkan dalil dan sokongan fatwa-fatwa lain berhubung isu ini. Berikut ialah penjelasan analisis terhadap kaedah kajian fatwa yang digunapakai oleh JFNPK:

Pertama: Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFNPK) tidak mengemukakan dalil al-Qur’an dalam perbincangan kertas kerja fatwa yang dijalankan, sedangkan keutamaan perlu diberikan kepada sumber primer ini di dalam proses ijtihad dan fatwa. Hal ini jelas

berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Muaz bin Jabal sebelum beliau diutuskan oleh baginda Rasulullah SAW sebagai kadi di negeri Yaman, baginda telah bersabda kepadanya: {كيف تقضي إذا عرض لك قضاء؟} قال: أقضي بكتاب الله، قال: فإن لم تجد في كتاب الله؟، قال: فبسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال: فإن لم يكن في سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم ولا في كتاب الله؟، قال: أجتهد رأبي ولا آلو فضرب رسول الله صلى الله عليه وسلم صدره وقال: الحمد لله الذي وفق رسول رسول الله لما يرضى رسول الله.}

Maksudnya: “Bagaimanakah nanti kamu akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?” Muaz menjawab: “Saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah SWT” Nabi bertanya lagi: “Sekiranya kamu tidak mendapati di dalam kitab Allah SWT?” jawab Muaz: “Saya akan memutuskan berdasarkan sunnah Rasulnya”. Tanya Nabi SAW lagi: “Sekiranya kamu tidak menemui di dalam sunnah?” Muaz menjawab: “Saya akan berijtihad dengan pemikiran sendiri dan tidak akan melampaui batas. Nabi SAW pun menepuk dada sambil bersabda: “Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasulullah SAW ke arah sesuatu yang direndhai oleh Rasulullah SAW” (Hadis. Abu Dawūd. *Bāb Ijtihād al-Ra’y fi Al-Qādāi*. 3592).

Dengan itu, pengkaji berpandangan adalah tidak wajar rujukan utama seperti al-Qur’an ini ditinggalkan yang menjadi sumber rujukan terpenting dalam kehidupan manusia. Justeru, maka adalah lebih murni setiap fatwa disertakan dalil-dalil daripada al-Quran yang akan memperkukuhkan sesuatu fatwa (Zamri Hashim, 2011). Serentak dengan itu, para ulama telah sepakat berpendapat bahawa al-Quran adalah hujah wajib berpegang dengannya dan ia merupakan sumber pertama bagi perundangan Islam. Adalah wajar mengutamakan sumber rujukan al-Quran berbanding sumber-sumber hukum lain kecuali apabila tidak didapati di dalamnya hukum bagi masalah dan isu yang dikehendaki (Hassan bin Ahmad, 2002). Oleh itu, pengkaji cuba menganalisis fatwa ini bagi melihat dalil al-Quran yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri berdasarkan fatwa yang telah diputuskan. Terdapat dua dalil al-Quran yang spesifik membicarakan tentang larangan memakan harta tidak patuh syariah (harta haram) oleh Allah SWT, sebagaimana firmanNya:

﴿وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah.” (al-Quran. al-Baqarah: 188).

Al-Qurṭubī (2007) menjelaskan bahawa Allah SWT melarang manusia daripada memakan harta sesama mereka tanpa hak seperti memperoleh harta secara judi, rampasan atau penipuan. Larangan tersebut melibatkan semua umat Nabi Muhammad SAW. Wahbah Zuhaylī (2001) menjelaskan bahawa ayat al-Quran di atas adalah berbentuk *sighah an-Nāhiyyah* yang menunjukkan larangan Allah SWT kepada manusia untuk memakan harta orang lain dengan cara menyalahi syarak dan tanpa hak seperti hasil rasuah, judi, penipuan, curi, khianat amanah, maksiat, hasil jualan minuman yang memabukkan, secara paksaan, *gharar*, memakan harta anak yatim secara zalim, harta riba, penipuan dalam timbangan dan lain lagi. Oleh itu, dalil ini boleh diguna pakai dalam menguatkan penghujahan kertas kerja fatwa.

Selain itu, terdapat firman Allah SWT pada ayat 29 Surah an-Nisa’ yang menjelaskan perkara yang sama sepertimana ayat sebelum ini, sebagaimana firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.” (al-Quran. An-Nisa’: 29).

Ibn Kathīr (1991) ketika menafsirkan ayat di atas, beliau menerangkan bahawa Allah SWT melarang manusia memakan harta satu sama lain secara batil, yakni menyalahi kehendak syarak seperti memakan harta riba, judi dan seumpamanya. Hukum larangan ini berterusan sehingga datangnya hari kiamat kelak disebabkan ia tidak *dimansūkhkan*.

Kedua-dua ayat al-Quran di atas banyak diguna pakai oleh penyelidik-penyelidik apabila membincangkan berkenaan harta tidak patuh syariah. Antaranya penyelidik Zaharudin Muhammad (2010), Ahmad Munif Sulaiman (2017) dan Azman Mohd Noor (2018). Larangan (*an-nāhiyyah*) tersebut demi menjamin keadilan, di mana unsur-unsur yang menafikan persetujuan, ketidakadilan kepada pihak berkontrak, penyalahgunaan kuasa, transaksi secara paksaan, penipuan dan rasuah adalah dilarang. Oleh itu, keputusan fatwa yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) berkenaan harta tidak patuh syariah adalah haram dan wajib dilupuskan merupakan satu tindakan yang amat tepat.

Kedua: Rujukan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) terhadap hadis dilihat hanya tertumpu kepada kaedah pelupusan harta tidak patuh syariah. Setelah dijalankan kajian, pengkaji mendapati terdapat satu hadis yang menjelaskan tentang hukum larangan memakan harta tidak patuh syariah iaitu hadis berkaitan larangan mengambil hasil daripada sesuatu yang diharamkan, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Mas'ud Al-Anṣārī:

{ أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن ثمن الكلب }

Maksudnya: "Rasulullah SAW melarang daripada sebarang pengambilan hasil daripada harga jualan anjing" (Hadis. Abū Dawūd. *Bāb al-Afkār al-Dāwliyyah*. 3332).

Albānī (2023) telah menghukumkan hadis di atas berstatus sahih, manakala daripada riwayat Abu Hurāirah yang memiliki matan yang sama adalah berstatus sahih menurut Syu'ib al-Arnaūṭ. Al-Nawawī ketika menghuraikan hadis di atas, beliau menyatakan larangan pengambilan hasil jualan anjing adalah disebabkan ia seburuk-buruk perolehan. Disebabkan itu, maka tidak sah menjual, mengambil harga jualan dan sebagainya daripada jualan anjing. Inilah pendapat kebanyakan ulama antaranya Abū Hurāirah, Ḥasan Baṣrī, Rabī'ah, Awzā'i, As-Shāfi'i, Aḥmad, Dāwud dan Ibn Munzir. Pandangan ini dikuatkan lagi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ إن الله إذا حرّم على قوم أكل شيء حرّم عليهم ثمنه }

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah SWT apabila mengharamkan ke atas kaum memakan sesuatu, maka Allah SWT mengharamkan juga ke atas mereka harganya" (Hadis. Abū Dawūd. *Bab Fī Saman al-Khamr wa al-Maitah*. 3488).

Menurut al-Syawkānī (2023) dalam *al-Fath al-Rabbānī*, Ibn al-Mulaqqin dalam *al-'Ilam Bi fawā'id 'Umdah al-Ahkam* dan Albānī (2023) dalam *Ghāyat al-Marām*, hadis di atas adalah berstatus sahih. Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa apabila Allah SWT mengharamkan manusia mengambil manfaat daripada sesuatu perkara, maka Allah SWT turut mengharamkan perkara-perkara yang membawa kepadanya seperti menjual atau memakan hasil jualan tersebut. Berdasarkan huraian daripada kedua-dua hadis sebelum ini, harta yang diperolehi dengan cara yang tidak syar'i adalah dikira sebagai harta tidak patuh syariah dan tidak boleh dimanfaatkan oleh manusia. Ini kerana, keterlibatan secara langsung dalam urusan yang haram adalah dikira sebagai melakukan perkara mungkar disebabkan pelanggaran perkara-perkara yang ditegah oleh syarak, ataupun yang disifatkan sebagai pelanggaran sempadan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, sebagaimana Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.” (al-Quran. Al- Māidah: 2).

Ayat di atas menunjukkan larangan yang membawa maksud haram. Tindakan mengambil manfaat daripada harta tidak patuh syariah adalah bercanggah dengan *maqāṣid* penjagaan harta yang menginginkan harta diperoleh secara halal dan perbelanjaannya pula di jalan benar, tanpa penindasan dan ketidakadilan seperti yang dilakukan oleh sistem konvensional (Zaharuddin Abdul Rahman, 2008).

Ketiga: Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dilihat tidak mengemukakan sebarang kaedah *fiqhiyyah* bagi menguatkan penghujahan hukum. Kaedah *fiqhiyyah* merupakan intipati kepada maksud pelbagai ungkapan nas sama ada nas al-Quran ataupun hadis (Mat Saad Abd. Rahman, t.t). Dalam kebanyakan keadaan, terdapat banyak kaedah fiqh yang dijadikan penguat atau hujah sokongan kepada dalil-dalil fiqh yang lain. Pengkaji mendapati terdapat dua kaedah *fiqhiyyah* yang boleh diaplikasikan sebagai sumber rujukan dalam kajian fatwa iaitu pertama *al-aṣl fī al-muḍār al-taḥrīm* yang bermaksud asal bagi perkara yang mendatangkan kemudaratan adalah haram. Kaedah fiqh jelas menunjukkan bahawa segala bentuk kemudaratan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratan itu adalah haram menurut syarak dan wajib dihilangkan daripada terus berlaku sebagaimana jual beli riba (Zulfiqar Mamat, 2020).

Manakala kaedah *fiqhiyyah* kedua iaitu *dar’u mafāsīd muqaddam ‘alā jalbi maṣāliḥ* yang bermaksud menolak kerosakan lebih utama daripada mendatangkan kebaikan (Zulfiqar Mamat, 2020). Apabila berlaku pertentangan antara kebaikan dan kerosakan dalam sesuatu perkara maka menolak kerosakan didahulukan berbanding membawa kemaslahatan. Walaupun ada sesetengah harta tidak patuh syariah mengandungi masalah seperti judi, riba atau monopoli, namun menghilangkan keburukan dan kerosakan tersebut adalah diutamakan. Sebagai contoh, kewajipan untuk mencegah daripada penjualan arak, dadah dan seumpamanya sekalipun ia memberikan pulangan yang baik daripada segi ekonomi kepada negara kerana keburukannya yang lebih besar.

Walau bagaimanapun, keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFNPK) yang mencadangkan supaya harta tidak patuh syariah dilupuskan dengan kaedah pelupusan harta tidak patuh syariah adalah merupakan satu jalan penyelesaian yang amat bertepatan dengan kedua-dua kaedah *fiqhiyyah* yang telah dikemukakan. Kedua-dua kaedah tersebut juga selari dengan sabda Rasulullah SAW :

{وإذا نهيتمكم عن شيء فذعوه}

Maksudnya: “apabila aku menegahkan kamu daripada sesuatu, maka hendaklah kamu tinggalkannya” (Hadis. Muslim. Kitab al-Hajj Bab “Fard al-Hajj Marrah Fi al-Umr”. 1337).

Keempat: Kajian juga mendapati pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) tidak mendatangkan sebarang kaedah perbandingan antara pendapat mazhab dalam perbincangan kertas kerja fatwa mereka, sedangkan metode perbandingan mazhab-mazhab terdahulu dan juga mengambil rujukan fatwa daripada mereka mampu menguatkan lagi hujah fatwa. oleh itu, setelah kajian dijalankan, pengkaji mendapati bahawa jawapan fatwa JFNPK adalah menepati pandangan pertama iaitu pandangan jumhur fuqaha yang menyatakan bahawa harta tidak patuh syariah seperti harta rampasan, curi, penipuan dan seumpamanya adalah wajib dipulangkan kepada pemilik asalnya.

Sebaliknya jika pemilik harta tersebut tidak dapat dikenal pasti atau harta tersebut diperolehi dengan cara haram seperti duit riba, judi dan seumpamanya, maka harta tersebut hendaklah dilupuskan dengan disalurkan kepada tempat-tempat seperti hospital, sekolah, masjid dan seumpamanya ataupun harta tersebut boleh diserahkan kepada golongan fakir miskin untuk dimanfaatkan bersama keluarganya (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009). Imam al-Ghazālī (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009) berpandangan tidak seharusnya seseorang melupuskan harta tidak patuh syariah dengan membuangnya ke laut, akan tetapi yang perlu dilakukan ialah diserahkan untuk kemaslahatan umat Islam.

Adapun pihak penerima harta tidak patuh syariah tidak dilarang daripada mengambil manfaat daripada harta tersebut. Keharusan ini berdasarkan pandangan Ibn Mas'ūd ketika beliau ditanya berkenaan hukum memenuhi jiran yang merupakan pemakan harta riba, lalu beliau berkata:

{مهنته لك، وإثمه عليه}

Maksudnya: "Hidangan itu harus bagi kamu, dan dosanya pula ditanggung olehnya (pemakan harta riba)" (Hadis. Muşannaf 'Abdul Razzaq. 14677).

Pendapat Ibn Mas'ūd ini juga selari dengan firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ﴾

Maksudnya: "Seseorang tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (hanya dosa usahanya sahaja)." (al-Quran. Al- Fāṭir: 18).

Berbeza dengan pandangan kedua, di mana sebahagian fuqaha seperti tidak mengharuskan seseorang bersedekah dari harta haram (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009). Hal ini kerana, Allah SWT adalah baik dan hanya menerima sesuatu yang baik sahaja. Berdasarkan analisis kertas kerja fatwa, pengkaji melihat pandangan jumhur ulama yang memberikan jalan penyelesaian berkaitan harta tidak patuh syariah adalah lebih meraikan *maşlahah mu'tabarah* kerana kaedah pelupusan yang dicadangkan adalah tidak bertentangan dengan dalil syarak. Oleh itu dapat dilihat bahawa fatwa JFNPK berkenaan kaedah pelupusan harta tidak patuh syariah adalah tepat dan menepati pandangan jumhur ulama.

Selain itu, perbincangan ulama berkenaan isu monopoli. Walaupun isu monopoli tidak dinyatakan dalam *sighah* fatwa, namun perbincangannya telah diletakkan dalam kertas kerja fatwa. Monopoli barang menurut Al-Nawawī (2009) ialah seseorang membeli barang pada waktu harganya dan menahannya bagi tujuan menaikkan harganya. Begitu juga al-Ghazālī (2001) menyatakan sekiranya penjual barangan bertindak menyimpan barang perniagaan dalam tempoh tertentu bertujuan menaikkan harga barang maka ia merupakan perbuatan monopoli. Ulama sebulat suara bersepakat bahawa perbuatan *iḥtikār* (monopoli) merupakan salah satu perbuatan yang diharamkan.

Namun begitu, ulama berbeza pandangan pada jenis barangan yang dikategorikan dalam larangan monopoli. Pandangan pertama dan merupakan pandangan jumhur ulama terdiri dari Mazhab Māliki, Zāhiri dan sebahagian ulama Mazhab Ḥanafi berpandangan semua jenis barangan keperluan manusia adalah diharamkan monopoli sama ada ianya jenis makanan atau bukan makanan (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009). Manakala Mazhab Shāfi'i pula berpandangan, makanan yang haram dimonopoli oleh manusia terdiri daripada makanan manusia atau haiwan (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009). Seterusnya Mazhab Hambali berpandangan makanan asasi manusia sahaja yang haram dimonopoli (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009).

Merujuk kepada ketiga-tiga pandangan di atas, kertas kerja fatwa negeri dilihat lebih cenderung kepada pandangan pertama iaitu Mazhab Māliki, Zāhiri dan sebahagian ulama Mazhab Ḥanafi apabila mereka berpandangan semua jenis barangan keperluan manusia adalah diharamkan monopoli, sama ada ianya jenis makanan atau bukan makanan. Hal ini bertepatan dengan sebuah hadis riwayat Abu Hurairah RA yang berstatus *hasan lighāirihi* menurut Syuib al-Arnaut, sabda Nabi SAW:

{من احتكر حكرة يريد أن يغلي بها على المسلمين فهو خاطئ}

Maksud: "Barangsiapa menimbun suatu timbunan supaya menjualnya dengan harga yang tinggi kepada kaum muslimin, maka dia adalah orang yang bersalah" (Hadis. Ibn Majah. 2153).

Selain itu, kertas kerja fatwa juga merujuk beberapa pandangan tokoh untuk menyokong hujahnya seperti Muḥammad Ibrāhīm al-Hafnawī (2009), di mana beliau menjelaskan bahawa hadis larangan ini adalah berbentuk umum merangkumi segala barangan keperluan asasi manusia sama ada makanan atau bukan makanan. Perbuatan monopoli ini walaupun memberikan kebaikan dan keuntungan bagi sesetengah individu, namun kemaslahatan umum masyarakat perlu diutamakan berbanding kemaslahatan individu. Hal ini berasaskan kaedah fiqh “*maṣlahah ‘āmmah tuqaddam ‘alā maṣlahah khāṣah*” bermaksud kebaikan umum diutamakan berbanding kebaikan khusus (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, 2009).

Berikutnya pula ialah perbincangan berkenaan mengambil manfaat daripada hasil keuntungan yang diperolehi seseorang selepas diniagakan harta tidak patuh syariah seperti harta rompak, curi dan seumpamanya. Mazhab Hanafi dan satu riwayat daripada Imam Aḥmad berpendapat wang keuntungan tersebut tidak boleh dimiliki oleh pesalah atau mangsa, bahkan ia wajib didermakan dan disedekah (Ibn Al-Hummam, t.t).

Mazhab Mālikī pula berpendapat sekiranya wang keuntungan tersebut terhasil melalui usaha daripada pesalah seperti mereka memperniagakannya, maka pesalah tersebut berhak memiliki hasil tersebut dengan syarat, mereka perlu memulangkan terlebih dahulu jumlah asal wang kepada mangsa. Adapun jika wang keuntungan atau lebihan diperolehi tanpa usaha daripada pesalah tersebut, seperti lembu yang dicuri mengeluarkan susu yang banyak, maka ia dimiliki oleh mangsa kecurian (Al-Bājī, Abu al-Walīd Sulāymān bin Khalf, 1332H).

Manakala Mazhab Shāfi‘ī dan Hanbalī berpendapat semua keuntungan itu menjadi milik mangsa, bukan milik perompak atau pencuri (al-Shirāzī, 2001). Berdasarkan analisis, kajian mendapati keputusan fatwa Negeri Perak adalah merujuk kepada Mazhab Shāfi‘ī dan Hanbalī.

Kelima: Kertas kerja fatwa dilihat tidak mengaitkan prinsip *Maqāṣid al-Sharī‘ah*. Oleh itu pengkaji menganalisis bahawa kaedah pendalilan ini sebenarnya boleh dilandaskan kepada prinsip *Maqāṣid al-Sharī‘ah* iaitu kewajipan menjaga harta yang bersifat *maṣlahah al-hājiyyāt* dan dibenarkan selagi mana tidak bertentangan dengan kehendak syarak. Pembaziran menurut Imam al-Shāfi‘ī (Wahbah al-Zuḥaylī, 2001) ialah menginfaqqan harta pada bukan haknya dan inilah pandangan jumhur ulama. Demikian juga Mujāhid (Wahbah al-Zuḥaylī, 2001) mengatakan: “*seandainya seseorang menginfaqqan hartanya secara keseluruhan menurut haknya, maka ia tidak dikategorikan sebagai pemboros*”. Hal ini bersesuaian dengan fungsi harta iaitu sesuatu yang bermanfaat menurut syarak dan adalah menjadi hak bagi harta untuk dimanfaatkan pada jalan yang baik dan bukannya dibazirkan. Oleh itu, berdasarkan *Maqāṣid al-Sharī‘ah* iaitu mendatangkan *maṣlahah*, harta tersebut adalah halal kepada golongan fakir miskin dan rancangan kebajikan (Arifin Mamat & Abd Basir Mohamad, t.t). *Maṣlahah* umum dapat direalisasikan apabila wang tersebut dibelanjakan pada jalan kebajikan. Jika tidak, ia dianggap membazir dan bertentangan dengan syarak.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, fatwa pelupusan harta tidak patuh syariah dengan cadangan disalurkan harta tersebut kepada Baitulmal merupakan satu kaedah dan jalan penyelesaian yang bertujuan menjauhkan umat Islam daripada mengambil manfaat harta tidak patuh syariah (harta haram) dan dalam masa yang sama mengelakkan pembaziran harta. Manakala daripada sudut kaedah rujukan dalil, kita dapat menegaskan beberapa perkara hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Pertama, keperluan pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri memberikan penekanan terhadap tertib pendalilan dengan mendahulukan rujukan kepada sumber yang berautoriti sebelum keputusan fatwa diwartakan. Justeru itu, bagi mengenal pasti ketepatan sesuatu hukum atau fatwa, ia perlu dimulai dengan proses istidlal dan istinbat mengikut keutamaan sumbernya iaitu dimulai dengan rujukan al-Quran, hadis, ijmak, qias dan seterusnya daripada sumber-sumber yang tidak disepakati.

Kedua, keperluan menyokong dan menguatkan fatwa tersebut dengan dalil-dalil yang lebih berautoriti iaitu dalil-dalil al-Quran kerana ia sangat dituntut pada zaman ini. Hal ini kerana, jawapan fatwa tidak lagi difahami secara pemahaman tradisi iaitu hukum syarak yang dikemukakan oleh golongan agamawan yang berkelayakan untuk berfatwa. Bahkan ia memerlukan dalil dan hujah yang kuat bagi menyakinkan umat Islam sekarang.

Ketiga, ketika merujuk kepada pandangan-pandangan dalam kalangan empat mazhab menerusi kitab-kitab mereka yang *muktabar*, ahli Jawatankuasa Fatwa perlu mentarjikhkan pandangan ulama berdasarkan *maṣlaḥah* dan keperluan semasa yang berlaku. Sekiranya persoalan tersebut belum pernah dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu, maka ahli Jawatankuasa Fatwa perlu berijtihad dengan mengaplikasi ilmu *uṣūl al-fiqh* menerusi kaedah *qiyās*, *istiḥsān*, *urf*, *maṣālih mursalah* dan sumber-sumber lain serta mengguna pakai kaedah-kaedah fiqh bagi mengenalpasti hukum bagi menyelesaikan isu tersebut.

Walau bagaimanapun, jawapan fatwa Negeri Perak adalah selari dengan beberapa fatwa lain yang telah dikeluarkan oleh negeri-negeri lain dalam menyelesaikan isu ini, seperti fatwa Negeri Sabah pada tahun 2010, fatwa Negeri Selangor tahun 2009, fatwa Negeri Pahang tahun 2009 dan fatwa Negeri Negeri Sembilan tahun 2013. Merujuk kepada *Māwsū'ah al-Qaḍāyah al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣirah Wa Iqtisād Islāmī*, semua sarjana Islam yang hadir dalam Persidangan Ekonomi Islam kali pertama pada tahun 1976M telah sebulat suara menyatakan pendirian bahawa faedah yang diperoleh dari bank konvensional adalah riba. Kemudian di persidangan kali kedua *Majma' al-Buhūth al-Islamiyyah* juga telah bersepakat sarjana Islam pada perkara yang sama iaitu faedah yang diperolehi hasil kontrak *al-qard* (pinjaman) adalah riba yang diharamkan melainkan sebab *ḍarūriyyāt*.

RUJUKAN

Buku

- 'Abd al-'Azīz Muḥammad. (2005). *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Kāherah: Dār al-Hadīth.
- 'Abd Razzaq al-Ṣan'ānī. (1403H). *Muṣannaf 'Abd Razzāq*. Kāherah: Al-Maktab al-Islāmī. Jil. 8.
- 'Alī Aḥmad al-Salūsī. (2008). *Mawsū'ah al-Qaḍāyah al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣirah Wa Iqtisād Islāmī*. Qatar: Dār al-Thaqāfah, Cet. 11.
- Abū al-Wafā' 'Alī bin 'Aqīl bin Muḥammad Al-Baghdādī Al-Ḥanbalī. (1999). *Al-Wāḍiḥ fi Uṣūl al-Fiqh*. Bayrut: Muasasah al-Risālah. Jil. 5.
- Abu Dawūd. (1992). *Sunan Abī Dawūd*. Kitāb al-Ijārah, Bāb fi Ṭaḍmīn al-'Āriyyah. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Abū Dawūd. (1999). *Ṣunan Abū Dawūd*. Bāb al-Afkār al-Dāwliyyah. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Ahmad Sudirman Abbas. (2004). *Qawā'id Fiqhiyyah dalam Perspektif Fiqih*. Jakarta: Anglo Media.
- Alauddīn Abū al-Ḥasan al-Māwardī. (1955). *Al-Inṣaf fī Makrifah al-Rājih Min al-Khilāf*. Bayrut: Dar Ihya al-Thurath. Jil. 7.
- al-Bājī, Abū al-Walīd Sulāymān bin Khalf. (1332H). *Al-Muntaqā Sharḥ al-Muwaṭṭā'*. Bayrut: Dār al-Sa'ādah. Jil. 4.
- al-Bukhārī, Abū 'Abdillāh bin Muḥammad bin Ismā'īl. (1403H). *Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Kitāb Madhālim wa Ghaṣbi. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah. No. Hadith 2269. Jil. 2.
- al-Ghazālī. (2001). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Taqwā. Jil. 2.
- al-Kashmirī, Muḥammad Anwār. (2005). *Fā'idul al-Bārī 'alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Shurut, Bāb al-Shurūṭ Fī al-Jihād wa al-Muṣālaḥah Ma'a Ahli Ḥarbī. Bayrut: Dār al-Kutūb 'Ilmiyyah.
- al-Khādīmī, Nūr al-Dīn Mukhtār. (2007). *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Tunis: Jāmiyah Tunis al-Iftiradhiah.
- al-Nawawī. (2009). *Al-Muhazzab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i*. Kaherah: Dar Ihya at-Turath al-'Arabī. Jil. 2.
- al-Qurṭubī. (2007). *Al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*. Mesir: Dar Hadith. Jil. 1.
- al-Shāfi'i, Muḥammad bin Idrīs. (204H). *Al-Umm*. Kaherah: Dār al-Hadīth. Jil. 3.

- al-Sijistānī, Abū Dāwūd Sulaymān. (t.t). *Sunan Abū Dāwūd*. Bab Fi Saman al-Khamr wa al-Maitah. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr Wa Tauzi'.
- al-Zarqa', Muṣṭafā Aḥmad. (1968). *Al-Madkhal Al-Fiqhī Al-Ām*. Damsyik: Matabi' Alif Ba'.
- Aṭīyyah Ṣāqar. (1994). *Aḥsanul kalām Fī al-Fatāwā Wa Aḥkām*. Kaherah: Dār al-Ghad.
- Ḥassan bin Aḥmad. (2002). *Uṣūl al-Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. Cet. 3.
- Ibn al-Hummām. (t.t). *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr*. Bayrut: Dār Al-Fikr.
- Ibn Kathīr. (1990). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Damsyik: Dar al-Khair. Jil. 1.
- Ibn Qudāmah. (t.t). *al-Mughnī*. Bayrut: Dār al-Fikr. Juz. 18.
- Ibn Rejab al-Hanbalī. (2008). *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah. (2001). *Majmū' Al-Fatāwā*. Kaherah: Dār Al-Hadīth. Jil. 30.
- Jabatan Mufti Negeri Perak. (t.t.) *Buku himpunan kertas kerja "Fatwa Negeri Perak 1994-2015"*. Ipoh: Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perak.
- Jaddul Ḥaq. (2005). *Buhūth Wa Fatāwa Islāmiyyah Fī Qaḍāyā Mu'āṣirah*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Mat Saad Abd. Rahman. (t.t). *Istinbat: Asas Dan Metodologi*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī. (2009). *Fatāwā Shar'iyyah Mu'āṣirah*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Muhammad Nabil Ghanayim. (2003). *Qaḍāyā Mu'āṣirah Dirāsah Fiqhiyyah Ijtimā'iyyah*. Kaherah: Dar al-Hidayah.
- Muslim. (2005). *Saḥīḥ Muslim*. Kitab al-Ḥajj Bāb Farḍ al-Ḥajj Marrah Fi al-'Umr. Kaherah: Dar al-Hadith. No. Hadith 1337. Jil. 5.
- Taqiuddin al-Subkī. (2004). *Ibhāj Fi Sharḥ al-Minhāj*. Mesir: Tawfiqiyyah al-Adabiyyah.
- Wahbah al-Zuḥaylī. (1998). *al-Tafsīr al-Munīr*. Damsyik: Dār al-Fikr. Jil. 15.
- Wahbah Zuḥaylī. (2001). *Al-Tafsīr al-Waṣīṭ*. Damsyik: Dār Fikr. Cet. 1. Jil. 1.

Enakmen

- Perak. (2004). *Warta Kerajaan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004*.

Jurnal

- Ahmad Munif Sulaiman. (2017). Problematika Uang Haram Dalam Kajian Fiqh. *Jurnal Ilmu Al-Quran, Hadits, Syari'ah dan Tarbiyah (MISYKAT)*, 02, 21-34.
- Fathullah Al Haq Muhamad Asni, Jasni Sulong. (2017). The Analysis of Practices and Methods of Fatwa Standardisation in Malaysia and Pakistan. *Islamic Quarterly*, 61 (2), 155-186.
- Fathullah Asni, Jasni Sulong. (2019). Resolving the Issues of Conflicting Fatāwā on Waqf in Malaysia: A Study based on the Epistemology of Maqāsīd al-Sharī'ah. *Islamic Quarterly*, 63(1), 1-22.
- Mohammad Azam Hussain, Haji Hairuddin Megat Latif, Mohd. Zakhiri Md. Nor, Md. Rejab Md. Desa, Al-Hanisham Mohd Khalid, Muhammad Azri Mohd Akhir. (2018). Rujukan Kepada Mazhab Dalam Ketetapan Fatwa: Analisa Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 236-244
- Muhammad Fadli Abdullah. (2018). Pengurusan Pendapatan Tidak Patuh Syariah di Bank Muamalat Malaysia Berhad. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 2(2), 93-114.
- Zulfiqar Mamat. (2020). Aplikasi Kaedah Fiqh "La Darar Wa La Dirar" Dalam Isu Covid-19 di Malaysia. *Jurnal INSLA E-PROCEEDINGS. Bangi: Universiti Sains Islam Malaysia*. 3(1), 331-339.

Kertas Kerja & Disertasi

- Arifin Mamat & Abd Basir Mohamad. (2012). *Peranan Maqāṣid al-Syari'ah dalam Fikah Kontemporari: Satu Kajian Terhadap Fatwa Muamalat Yusuf al-Qardawi*. Kertas Ilmiah di National Seminar on Contemporary Fiqh, IIUM Gombak.
- Zaharuddin Abdul Rahman. (2008). *Hukum Penggunaan Dana Hasil Penstrukturan Islam Pada Aktiviti Tidak Patuh Syariah*. Kertas Kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara di Hotel Imperial Kuala Lumpur pada 27-28 Feb 2008. h. 1-40.
- Zamri Hashim. (2011). *Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Laman Sesawang

- Negeri Sembilan. (2023). E-Sumber Maklumat Fatwa. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12341> (Diakses 26 Mac 2023)
- Pahang. (2023). E-Sumber Maklumat Fatwa. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12282> (Diakses 28 Januari 2023).
- Sabah. (2023). E-Sumber Maklumat Fatwa. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12206> (Diakses 28 Januari 2023).
- Selangor. (2023). E-Sumber Maklumat Fatwa. <https://www.muftiselangor.gov.my/en/awam/fatwa/fatwa-terkini/206-hukum-perlaksanaan-pengurusan-dan-pelupusan-harta-luqatah-yang-disimpan-oleh-majlis-agama-islam-selangor> (Diakses 28 Januari 2023).
- Wan Ahmad Naquiuddin. (2020). *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-452 : Hukum Menguruskan Sumber Hasil Kewangan Tidak Patuh Syariah Untuk Aktiviti Kebajikan*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4316-irsyad-al-fatwa-siri-ke-452-hukum-menguruskan-sumber-hasil-kewangan-tidak-patuh-syariah-untuk-aktiviti-kebjakan> (Diakses 26 Mac 2023)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.